

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 26 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 9**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

1. PR-1531-MQT2689  
**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kesan terhadap kos sara hidup rakyat dan kos pengeluaran industri akibat kenaikan cukai SST dari 6% kepada 8% dan berapa jumlah tambahan kutipan hasil negara daripada pelaksanaan semua langkah cukai baru bagi tahun 2024.
  
2. PR-1531-MQT2675  
**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan :-
  - (a) nama syarikat-syarikat dari Australia dan Jerman yang akan melabur di Malaysia masing-masing berjumlah RM24.5 bilion dan RM45.4 bilion seperti yang diumumkan oleh Perdana Menteri serta nyatakan sektor-sektor industri yang akan dibangunkan; dan
  
  - (b) strategi dan langkah Kerajaan bagi mempertingkatkan nilai dagangan khususnya eksport bagi tahun 2024.

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**ATURAN URUSAN MESYUARAT**

**NASKHAH SAHIH/BAHASA MALAYSIA**

**<http://www.parlimen.gov.my>**

**HARI SELASA, 26 MAC 2024, PUKUL 10.00 PAGI**

**Bil. 18**

---

**WAKTU PERTANYAAN-PERTANYAAN MENTERI**

---

**PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN**

1. PR-1531-L24269

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan status kekurangan pekerja asing, jumlah yang masih diperlukan dan usaha yang dijalankan untuk mengatasi masalah-masalah yang bangkit termasuk rombakan dalam agensi-agensi Kementerian.

2. PR-1531-L23937

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan rancangan Kementerian memposisikan industri elektrik dan elektronik (E&E) negara sebagai hab utama pengeluaran semikonduktor bagi mengambil kesempatan daripada persaingan antara Amerika Syarikat dengan China dalam 'Perang Cip'.

3. PR-1531-L23737

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah mekanisme untuk meningkatkan dan mempercepatkan pendaftaran rakyat Malaysia terhadap Pangkalan Data Utama (PADU); yang mana setakat Januari 2024 hanya 1.3 juta sahaja yang telah mendaftar dan apakah langkah-langkah kawalan data PADU daripada disalahgunakan.

## 4. PR-1531-L23362

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan senarai lampu solar laluan persekutuan (FT) yang diluluskan bagi tahun 2024 dalam Parlimen Bukit Gantang, terutama kawasan kemalangan dan laluan binatang lembu/ kerbau yang melintas terutamanya di DUN Trong, Mukim Trong.

## 5. PR-1531-L22861

**Datuk Suhaimi bin Nasir [ Libaran ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah status terkini usaha Kementerian untuk memperluas penanaman padi di bawah Program SMART Sawah Berskala Besar (SMART SBB) ala Sekinchan di Sabah.

## 6. PR-1531-L24365

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status terkini secara terperinci 130,000 rakyat yang telah dijanji akan dibantu Kerajaan dalam usaha memastikan tiada lagi golongan miskin tegar di Malaysia akhir tahun 2023 .

## 7. PR-1531-L23584

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan transformasi kesihatan digital yang akan dilaksanakan pada tahun ini agar setiap individu mempunyai satu rekod di fasiliti kesihatan Kerajaan mahupun swasta dan bagaimanakah rekod-rekod lama ini dapat diisi semula bagi memudah cara pekerja kesihatan memantau kesihatan.

## 8. PR-1531-L23405

**Tuan Zakri bin Hassan [ Kangar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan adakah agensi di bawah Kementerian seperti MADA dan JPS menyelenggara saliran perparitan dengan teratur memandangkan petani di Perlis menghadapi cabaran yang cukup besar pada masa ini disebabkan masalah kemarau yang berpanjangan.

## 9. PR-1531-L24332

**Dato Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan status perbelanjaan peruntukan sejumlah RM52.2 bilion yang diluluskan untuk Sarawak dalam Bajet 2023 dan nyatakan jumlah peruntukan serta jenis projek pembangunan yang dibelanjakan untuk kawasan Baram.

10. PR-1531-L23945

**Tuan Rushdan bin Rusmi [ Padang Besar ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pendirian dan langkah yang sudah dan akan diambil dalam mendepani masalah gig ekonomi dalam kalangan golongan B40.

11. PR-1531-L23671

**Dato' Haji Shamshulkahar bin Mohd Deli [ Jempol ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan dalam isu impak negatif pembinaan kepada alam sekitar, apakah inisiatif dan langkah yang diambil oleh pihak Kementerian dalam usaha memastikan pembangunan yang dilaksanakan adalah mapan dan adakah Kementerian mempunyai kaedah untuk mengukur tahap kemapanan sesuatu projek.

12. PR-1531-L23877

**Datuk Haji Awang bin Hashim [ Pendang ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan jumlah kebun getah dan estet yang tidak ditoreh dan apakah perancangan Kerajaan bagi meningkatkan hasil daripada getah seterusnya membantu golongan penoreh getah memperolehi pendapatan lebih tinggi.

13. PR-1531-L23710

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah doktor kontrak yang telah meletakkan jawatan sejak tahun 2017 sehingga hari ini. Apakah langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk menangani masalah doktor kontrak dan kekurangan doktor di banyak hospital Kerajaan.

14. PR-1531-L24358

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan adakah kajian telah dilakukan oleh pihak Tourism Malaysia terhadap rakyat tempatan yang lebih gemar melancong ke Thailand dan apakah tindakan pihak Kementerian bagi menangani isu ini tambahan pula banyak negeri sudah mula menganjurkan Tahun Melawat Negeri masing-masing.

15. PR-1531-L23816

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan rancangan pihak Kementerian menjadikan Hospital Kota Marudu sebagai Hospital berpakar dan seterusnya menjadikan Hospital ini sebagai hab kesihatan di kluster Pantai Barat Utara Sabah.

## 16. PR-1531-L23309

**Dato' Wira Dr. Ku Abd Rahman bin Ku Ismail [ Kubang Pasu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) berapa jumlah stesen 'EV Charging' di seluruh negara bagi memenuhi keperluan masa kini dan berapa jumlah unjuran bagi tahun 2024; dan
- (b) berapa jumlah kenderaan elektrik (EV) di atas jalan raya di Malaysia pada masa kini dan berapa jumlah unjuran bagi tahun 2024.

## 17. PR-1531-L23573

**Dato' Seri Haji Aminuddin bin Harun [ Port Dickson ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah langkah-langkah yang Kementerian telah dan sedang diambil untuk mengurangkan diskriminasi pekerjaan dan memastikan kesamarataaan peluang pekerjaan bagi semua golongan masyarakat, termasuk golongan marginal dan golongan kurang upaya.

## 18. PR-1531-L23862

**Dato' Dr. Haji Alias bin Razak [ Kuala Nerus ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan keberkesanan fungsi Jawatankuasa Khas Memerangi Masalah Beban Berganda Malpemakanan Dalam Kalangan Kanak-Kanak di Malaysia bagi menyelesaikan isu krisis nutrisi khususnya dalam kalangan kanak-kanak yang berada dalam kelompok B40 dan miskin tegar.

## 19. PR-1531-L23354

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [ Bandar Kuching ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan pelan Kementerian untuk memperkasakan Institut Latihan Perindustrian (ILP) di seluruh negara untuk memastikan tenaga kerja kita yang dilatih untuk memenuhi keperluan industri termasuk industri berkemahiran tinggi.

## 20. PR-1531-L24221

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan mengapa tidak ada tindakan yang proaktif bagi membantu menyelesaikan isu-isu berkaitan dengan tanah jerlus di Kerian yang mengakibatkan para petani menanggung kerugian disebabkan padi yang tidak dapat dituai.

21. PR-1531-L23774

**Tuan Ramkarpal Singh A/L Karpal Singh [ Bukit Gelugor ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berkenaan apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian untuk menjamin dan memastikan bahawa maklumat yang dimuatnaik ke dalam sistem Pangkalan Data Utama (PADU) oleh rakyat tidak akan dibongkar.

22. PR-1531-L23365

**Dato' Syed Abu Hussin bin Hafiz Syed Abdul Fasal [ Bukit Gantang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan berapakah bilangan keluarga miskin tegar telah berjaya keluar daripada kategori miskin tegar bagi tahun 2023 Parlimen Bukit Gantang selaras dengan hasrat Kerajaan untuk menoktahkan miskin tegar.

23. PR-1531-L23857

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah status pelaksanaan sistem e-Wages terkini yang telah ditangguhkan bagi membolehkan memantau dan menguatkuasakan pembayaran gaji pekerja bermula dengan pekerja asing.

24. PR-1531-L24175

**Dato' Rosol bin Wahid [ Hulu Terengganu ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah jumlah perbelanjaan tahunan atau implikasi kewangan dihadapi Kerajaan untuk menyediakan tol percuma pada musim-musim perayaan.

25. PR-1531-L23729

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian untuk mengatasi masalah kekurangan Ambulan di Hospital Kerajaan bagi menjamin tindakan segera dari setiap aduan yang diterima.

26. PR-1531-L24210

**Tuan Haji Mohd Misbahul Munir bin Masduki [ Parit Buntar ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian bagi menyelesaikan isu beras tempatan yang semakin meruncing ini di mana sekarang sudah bermula musim menuai di sesetengah tempat, tetapi padi dihantar ke kilang, esok beras tak ada di kilang untuk dibeli.

27. PR-1531-L23601

**Tuan Suhaihan bin Kaiat [ Pulai ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perkembangan pendaftaran PADU yang telah dilancarkan di seluruh negara dan apakah masalah-masalah yang telah dibangkitkan oleh pengguna serta bagaimanakah mengatasinya.

28. PR-1531-L23953

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan usaha penstabilan harga getah dalam konteks pengawalseliaan bekalan dan kepenggunaan getah asli yang telah dirangka Kementerian bersama negara pengeluar getah dunia di bawah *International Tripartite Rubber Council* (ITRC) dan *Association of Natural Rubber Producing Countries* (ANRPC).

29. PR-1531-L22797

**Tuan Chow Kon Yeow [ Batu Kawan ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan pelan bagi menangani isu kenaikan harga makanan ternakan ikan yang mana pada tahun 2023 sahaja, ia telah melibatkan tiga kali peningkatan. Nyatakan juga pendekatan-pendekatan termasuk insentif-insentif yang dirancang, dilaksanakan serta disalurkan kepada golongan berkaitan termasuk pengguna dalam menghadapi situasi ini.

30. PR-1531-L24020

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan sejauh mana kajian yang telah dibuat oleh Kerajaan terhadap penglibatan Malaysia ke dalam kerjasama BRICS dalam mengimbangi sektor perdagangan negara di peringkat global.

31. PR-1531-L24129

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan usaha Kementerian untuk menaik taraf bandar sempadan terutama di Rantau Panjang agar limpahan ekonomi diterima penduduk tempatan.

32. PR-1531-L23707

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perbandingan data kemiskinan tahun 2022 ketimbang tahun 2023 bagi Parlimen Kudat. Apakah langkah spesifik Kerajaan dalam usaha menuktahkan kemiskinan di Parlimen Kudat.

33. PR-1531-L23151

**Kapten Dato' Dr. Zulkafperi bin Hanapi (Bersara) [ Tanjung Karang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan perancangan Kerajaan bagi mempromosikan dan kesedaran rakyat agar pendaftaran sistem PADU ini agar ianya mendapat sambutan bagi mereka yang tinggal di luar bandar berikutan masih ramai lagi diluar sana yang kurang jelas akan kelebihan sistem tersebut.

34. PR-1531-L23409

**Tuan Mohd Nazri bin Abu Hassan [ Merbok ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah strategi dan tindakan Kementerian bagi menangani kes pencerobohan dan kecurian *feeder pillar* JKR, kecurian elektrik dan kabel elektrik dari sistem elektrik JKR serta kecurian lampu jalan JKR kerana jika berlaku berterusan akan menyebabkan kerugian dalam jangka masa panjang.

35. PR-1531-L23973

**Datuk Ali anak Biju [ Saratok ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keberkesanan sistem Latihan Kemahiran yang dijalankan oleh CIDB. Berapa jumlah kutipan levi oleh CIDB sejak 10 tahun yang lalu. Adakah Kementerian Kerja Raya membuat usaha penyelarasan dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Sumber Manusia untuk memastikan keberkesanan sistem latihan mereka.

36. PR-1531-L24288

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah perancangan dan tindakan yang akan diambil oleh Kerajaan pada 2024 untuk membasmi atau mengurangkan lebih daripada 50% kemiskinan di 8 daerah termiskin di Malaysia yang terletak di Sabah.

37. PR-1531-L23892

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan relevansi penetapan hala tuju Kementerian tahun ini dan hubungannya dengan Dasar Agromakanan Negara 2.0 dalam memenuhi agenda keterjaminan makanan negara.

38. PR-1531-L23914

**Datuk Dr. Nik Muhammad Zawawi bin Haji Salleh [ Pasir Puteh ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan perkembangan berkaitan usaha pihak Kementerian dalam menamatkan isu kekurangan kawasan penanaman padi yang tidak direkodkan dalam Laporan Pencapaian Kementerian di bawah strategi memperkuuh infrastruktur dalam sistem makanan Dasar Agromakanan Negara 2.0 iaitu peluasan kawasan penanaman padi.

39. PR-1531-L23583

**Dato' Haji Adnan bin Haji Abu Hassan [ Kuala Pilah ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perkembangan terbaru permohonan pemasangan lampu jalan di FT1275 Jalan Felda Kepis, Kuala Pilah memandangkan permohonan telah lama dibuat dan kemudahan lampu jalan ini tidak ada semenjak rancangan Felda Kepis ini dibuka.

40. PR-1531-L24257

**Dato' Hajah Mumtaz binti Md Nawi [ Tumpat ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah polisi kuarantin 45 hari bagi lembu yang diimport di Kelantan dan adakah ia kekal sedemikian kerana ia memberi kesan kos berganda kepada usahawan ternakan ini.

41. PR-1531-L23683

**Tuan Mordi Bimol [ Mas Gading ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah akta-akta yang diguna pakai untuk laman sesawang PADU untuk melindungi data-data peribadi serta jaminan pihak Kerajaan untuk melindungi data peribadi pengguna daripada kebocoran dan disalahgunakan oleh pihak ketiga yang berisiko terdedah kepada aktiviti penipuan *scammer*.

42. PR-1531-L24044

**Ir. Ts. Haji Khairil Nizam bin Khirudin [ Jerantut ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan pendirian Kerajaan berkenaan skandal Daihatsu Jepun terutamanya daripada sudut keselamatan penumpang kenderaan yang secara langsung terpalit nama Perodua di dalam industri automatif ini.

43. PR-1531-L23271

**Tuan Haji Ahmad Johnie bin Zawawi [ Igan ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh mana status perbincangan mengenai autonomi Kesihatan di antara Kementerian Kesihatan Malaysia dengan Sarawak. Apakah perkara-perkara atau isu-isu autonomi yang telah dibincangkan dan bilakah akan dilaksanakan atau dikuatkuasakan.

44. PR-1531-L24204

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan anggaran kos dan jangkaan tarikh operasi pengintegrasian *Multi Lane Fast Flow* (MLFF) dan *Automatic Number-Plate Recognition* (ANPR) dalam sistem pembayaran tol sekiranya Kerajaan berhasrat mengimplementasikannya pasca ujian percubaan.

45. PR-1531-L(5)00234

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan bagaimana usaha KPKM atau MARDI untuk mengkomersialkan hasil produk dan formula penyelidikan pertanian oleh para pakar pertanian kita di MARDI, dalam usaha kita untuk mengurangkan kebergantungan makanan yang di import dari luar.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

46. PR-1531-L24266

**Tuan Lim Guan Eng [ Bagan ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan sama ada kriteria pendapatan boleh guna (*disposable income*) akan diterima pakai untuk menggantikan pendapatan berdasarkan gaji pokok agar tidak berlakunya penyemakan semula kelayakan menerima bantuan sehingga ada isi rumah yang dianggap tidak layak duduk di rumah kos rendah kerana melepas had gaji yang ditetapkan.

47. PR-1531-L24123

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [ Rantau Panjang ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan langkah Kementerian untuk mengatasi masalah jalan-jalan utama ke Rantau Panjang yang berisiko terutama musim banjir besar.

48. PR-1531-L22751

**Dato' Sri Doris Sophia anak Brodi [ Sri Aman ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan inisiatif khusus untuk meningkatkan pelaburan asing dan domestik di negara ini .

49. PR-1531-L23616

**Tuan Roy Angau anak Gingkoi [ Lubok Antu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan strategi bagi membantu dan memudahkan proses pendaftaran ke dalam Sistem Pengkalan Data Utama (PADU) terutama bagi penduduk di kawasan luar bandar dan pedalaman yang belum menikmati liputan internet yang stabil agar mereka tidak kecinciran daripada menerima manfaat dan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

50. PR-1531-L23959

**Tuan Nurul Amin bin Hamid [ Padang Terap ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan langkah Kementerian menangani isu kekurangan bekalan air terawat di Kampung Sungai Long Nami dan penduduk sekitar melalui projek bekalan air luar bandar merangkumi naik taraf kapasiti paip daripada Loji Rawatan Air Kampung Nami.

51. PR-1531-L23628

**Tuan Riduan bin Rubin [ Tenom ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah komitmen dan usaha pembangunan yang berterusan yang dilakukan oleh Pihak Berkuasa Koridor untuk meningkatkan nilai pelaburan domestik dan asing yang dijana di Koridor Pembangunan Sabah (SDC) terutamanya dalam aspek menggandakan pelaburan berkualiti dalam sektor teknologi termaju dan berintensifkan pengetahuan.

52. PR-1531-L24203

**Datuk Che Mohamad Zulkifly bin Jusoh [ Besut ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan sama ada Kerajaan akan mempertimbangkan penggunaan garis jalan *glow-in-the-dark* di kawasan berisiko tinggi berlaku kemalangan.

53. PR-1531-L23888

**Dato' Sri Tuan Ibrahim bin Tuan Man [ Kubang Kerian ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan kaedah mengurus risiko melalui pelaksanaan Skim Insurans terhadap Penyakit Berjangkit bagi sektor ternakan dan Pengeluaran Makanan akan dilaksanakan.

54. PR-1531-L24291

**Datuk Seri Panglima Dr. Jeffrey Gapari Kitingan [ Keningau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan dan tindakan Kerajaan untuk memastikan pembekalan yang mencukupi dan pengurangan kos perubatan khasnya untuk penyakit atau pesakit yang kronik di Sabah memandangkan adanya kekurangan pembekalan dan kos ubat yang melambung tinggi.

55. PR-1531-L24099

**Dato' Haji Abdul Khalib bin Abdullah [ Rompin ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah pihak Kementerian berusaha mencari kaedah baharu yang boleh memanjangkan jangka hayat jalan raya bermula daripada penggunaan bahan berkualiti tinggi dan akhirnya melihat kembali kualiti turapan jalan raya di negara ini yang dilihat semakin tenat dan meruncing setiap kali musim tengkujuh melanda negara.

56. PR-1531-L23758

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada Kementerian bercadang untuk menaik taraf Klinik Selangau kepada hospital kerana tidak mempunyai wad dan bilik mayat. Penduduk Selangau seramai lebih 40,000 orang dan kedudukan Pekan Selangau adalah ditengah laluan Pan Borneo Sibu - Bintulu.

57. PR-1531-L24181

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan secara statistik berapakah *ratio* populasi migrasi luar bandar ke kawasan bandar di Wilayah Sarawak. Adakah Kementerian mempunyai inisiatif untuk mengekalkan populasi masyarakat di kawasan pedalaman luar bandar seperti di Julau daripada cenderung untuk terus berhijrah supaya dapat menggalakkan pertumbuhan di kawasan lokaliti asal.

58. PR-1531-L23938

**Datuk Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [ Kuala Terengganu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan :-

- (a) jumlah nilai pelaburan yang ditandatangani dan diumumkan pada tahun 2023; dan
- (b) jumlah sebenar daripada pelaburan tersebut yang telah direalisasikan.

59. PR-1531-L23594

**Tuan Yuneswaran A/L Ramaraj [ Segamat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) statistik terkini pesakit yang dilaporkan meninggal dunia akibat serangan jantung mengikut pecahan kategori umur 21 - 30, 31 - 40, dan di bawah 60 tahun bagi tahun 2022 dan 2023; dan
- (b) punca utama peningkatan kes kematian akibat sakit jantung.

60. PR-1531-L23719

**Puan Teresa Kok Suh Sim [ Seputeh ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sama ada bayaran *on call* bagi Doktor Kerajaan akan ditingkatkan memandangkan kajian bayaran terakhir adalah pada tahun 2008. Bilakah Kementerian akan merealisasikan penubuhan Suruhanjaya Reformasi Kesihatan yang telah lama dibangkitkan.

61. PR-1531-L24320

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan usaha Kementerian dalam membantu menyelesaikan isu tanah jerlus, masalah tikus dan juga penyakit padi seperti karah padi (BLB) dan reput tangkai yang memberi kesan kerugian kepada pesawah-pesawah.

62. PR-1531-L(5)00225

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) jumlah projek Smart Sawah Berskala Besar (Smart SBB) yang sedang berjalan dan dalam perancangan Kementerian; dan
- (b) cabaran pelaksanaan Smart SBB dan tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk memastikan kejayaannya.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

63. PR-1531-L24215

**Tuan Afnan Hamimi bin Dato' Haji Taib Azamudden [ Alor Setar ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kerajaan telah mengenal pasti simpang-simpang yang merbahaya di sekitar Bandaraya Alor Setar yang masih tiada lampu isyarat dan tiada lampu jalan yang mencukupi, dan apakah usaha yang diambil untuk mengatasinya.

64. PR-1531-L24263

**Tuan Lee Chean Chung [ Petaling Jaya ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk melindungi Orang Yang Hidup Dengan HIV (ODHA) dan mewujudkan persekitaran kerja yang kondusif kerana ODHA sering berhadapan dengan stigma dan diskriminasi status di tempat kerja.

65. PR-1531-L23836

**Tuan Haji Mohd Syahir bin Che Sulaiman [ Bachok ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kementerian untuk menangani kenaikan harga input pertanian seperti baja, racun kawalan perosak, dan makanan ternakan yang telah menyebabkan ramai petani dan penternak terkesan akibat peningkatan kos yang mendadak dalam aktiviti huluhan pertanian.

66. PR-1531-L(5)00226

**Tuan Manndzri bin Nasib [ Tenggara ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah perancangan pihak Kementerian bagi membendung masalah kemurungan yang mampu mempengaruhi kualiti dan kesihatan mental para belia akibat daripada penggunaan teknologi digital secara berlebihan termasuk ketagih melayari aplikasi sosial dan penstriman hiburan.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

67. PR-1531-L23765

**Tuan Edwin anak Banta [ Selangau ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah perancangan Kementerian bagi meningkatkan sosio ekonomi penduduk luar bandar yang mempunyai tanah luas terbiar.

68. PR-1531-L24319

**Datuk Haji Idris bin Haji Ahmad [ Bagan Serai ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan hasil kerjasama KPBM bersama dengan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian MARDI dan Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam menghasilkan benih padi berkualiti yang kurang daripada 75 hari.

69. PR-1531-L23709

**Dato' Verdon bin Bahanda [ Kudat ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan kaedah alternatif bagi pendaftaran PADU bagi kawasan pedalaman yang kurang akses maklumat, seperti di Kudat, Pitas dan Pulau Banggi untuk mengelakkan keciciran bantuan dan pemberian subsidi bersasar.

70. PR-1531-L24154

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan sejauh manakah usaha-usaha menaik taraf jalan-jalan kampung dan jalan-jalan kebun yang rosak berserta usaha mewujudkan pekan kecil berdekatan dengan Lebuh Raya WCE seperti di Kampung Sungai Ranggam, Kampung Gajah.

71. PR-1531-L24356

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Haji Samsudin [ Masjid Tanah ]** minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan berkenaan isu perbezaan harga tiket yang dikenakan kepada pelancong tempatan dan asing di tempat-tempat pelancongan dan apakah perancangan serta tindakan Kementerian terhadap perkara ini yang menjadi rungutan oleh pelancong luar negara.

72. PR-1531-L24170

**Datuk Larry Soon @ Larry Sng Wei Shien [ Julau ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan secara terperinci statistik jumlah rakyat tempatan yang telah mendaftar di dalam sistem Pengkalan Data Utama (PADU) mengikut umur, ras, lokaliti negeri seluruh negara serta strategi Kementerian untuk mendaftarkan mereka yang berada di kawasan pedalaman luar bandar.

73. PR-1531-L22999

**Tuan Mohd Azizi bin Abu Naim [ Gua Musang ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status bagi projek pembinaan jalan perhubungan desa bagi pos-pos Orang Asli di Gua Musang yang umum ketahui bahawa Kementerian telah meluluskan peruntukan untuk pembinaan jalan tersebut.

74. PR-1531-L(5)00231

**Tuan Syahredzan bin Johan [ Bangi ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan statistik award Mahkamah Perusahaan Malaysia dari tahun 2013 hingga 2023 diasingkan mengikut sama ada award tersebut menyebelahi pihak Penuntut atau pihak Responden/Syarikat, serta perancangan Kementerian untuk memperkasakan Mahkamah Perusahaan.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

75. PR-1531-L23643

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah ada langkah-langkah Kementerian dalam mengatasi masalah kesesakan di hospital dan fasiliti kesihatan Kerajaan dengan menggunakan kemudahan dan peralatan pihak swasta di dalam keskes terpilih bagi mengelakkan pesakit menunggu lama sehingga membahayakan nyawa.

76. PR-1531-L24155

**Tuan Jamaludin bin Yahya [ Pasir Salak ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan perancangan Kementerian untuk menaik taraf jalan dari Kampung Gajah ke Teluk Intan.

77. PR-1531-L23741

**Datuk Willie anak Mongin [ Puncak Borneo ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah klinik-klinik kesihatan yang daif di bawah Parlimen Puncak Borneo dan sila nyatakan status baik pulih yang terkini.

78. PR-1531-L24019

**Dato' Seri Dr. Ahmad Samsuri Bin Mokhtar [ Kemaman ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan status perancangan pihak Kerajaan terhadap perkembangan pelaburan di lima koridor ekonomi wilayah terutamanya melibatkan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) yang hanya menerima manfaat pelaburan sebanyak 5.6 peratus (RM5.6 bilion) sepanjang tempoh dua tahun perlaksanaan RMKe-12.

79. PR-1531-L23735

**Tuan Prabakaran A/L M Parameswaran [ Batu ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan terhadap rancangan penubuhan Pusat Kecemerlangan Kesihatan Mental Kebangsaan yang merangkumi aspek pencegahan & advokasi, pembangunan modal insan, perkongsian sumber, penyelidikan,pemantauan dan survei yang meliputi sektor awam dan swasta.

80. PR-1531-L23856

**Datuk Seri M. Saravanan [ Tapah ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah mekanisme pemberian kebenaran bekerja sektor sesuai untuk pelarian telah diluluskan dan memastikan kebenaran itu tidak akan menyebabkan persaingan dengan rakyat Malaysia.

81. PR-1531-L24142

**Tuan Haji Muhammad Islahuddin bin Abas [ Mersing ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah usaha Kementerian untuk menaiktaraf dan membaikpulih cerun yang runtuh dan Jalan Persekutuan yang sering dinaiki air akibat banjir dalam kawasan Parlimen Mersing dan Negeri Johor.

82. PR-1531-L24068

**Tuan Wan Razali bin Wan Nor [ Kuantan ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini berkaitan kajian yang telah dilaksanakan bagi meningkatkan kualiti turapan jalan raya bersesuaian dengan cuaca Khatulistiwa di negara ini yang menerima taburan hujan yang banyak sepanjang tahun.

83. PR-1531-L24286

**Tan Sri Haji Abdul Hadi bin Awang [ Marang ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah butiran memorandum persefahaman (MoU) antara Malaysia dan Singapura bagi merealisasikan Cadangan Zon Ekonomi Khas Johor-Singapura (JS-SEZ).

84. PR-1531-L(5)00224

**Tuan Azli bin Yusof [ Shah Alam ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah langkah jangka pendek dan perancangan jangka panjang yang diambil oleh pihak Kementerian untuk meredakan kesesakan dan '*bottleneck*' yang berlaku di persimpangan Tol Bukit Jelutong, Shah Alam yang menghubungkan tiga lebuh raya utama - ELITE, NKVE dan GCE.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

85. PR-1531-L24334

**Dato Anyi Ngau [ Baram ]** minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan rancangan dan tindakan Kerajaan untuk membantu penduduk kawasan luar bandar di Sarawak dan Sabah yang bergantung penuh kepada jalan balak sebagai '*mode of transport*' memandangkan syarikat pembalakan tidak lagi menyelenggarakan jalan-jalan tersebut sejak kebelakangan ini.

86. PR-1531-L23738

**Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail [ Bandar Tun Razak ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang diambil bagi menangani peningkatan kes bunuh diri dalam kalangan remaja di Malaysia serta kaedah-kaedah dalam usaha memperkasakan kesedaran kesihatan mental di kalangan rakyat Malaysia.

87. PR-1531-L23821

**Datuk Wetrom bin Bahanda [ Kota Marudu ]** minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan adakah terdapat mana-mana saluran yang boleh digunakan oleh ahli Parlimen daripada kawasan termiskin di Malaysia seperti Kota Marudu bagi mendapatkan peruntukan tambahan bagi tujuan pembangunan bagi menontahkan kemiskinan di kawasan-kawasan ini.

88. PR-1531-L23644

**Tuan Mohd Sany bin Hamzan [ Hulu Langat ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan cadangan untuk memudahkan peraturan kewangan bagi proses menarik pelaburan asing ke Malaysia dengan tidak mengira jumlah pelaburan yang dibawa masuk.

89. PR-1531-L23799

**Dato' Azman bin Nasrudin [ Padang Serai ]** minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan inisiatif terkini Kementerian merentas agensi dalam usaha melahirkan lebih ramai agropreneur muda serta menarik minat golongan belia menceburi bidang perladangan, sekaligus mengurangkan kebergantungan tenaga kerja asing di negara kita.

90. PR-1531-L24128

**Tuan Haji Bakri bin Jamaluddin [ Tangga Batu ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan :-

- (a) apakah tindakan Kementerian terhadap permasalahan bekalan air di sawah-sawah di Bukit Rambai dan Kampung Pinang yang dimaklumkan bahawa peruntukan untuk perolehan tanah bagi membina laluan paip bekalan air adalah tidak mencukupi dan kos sebenar jauh lebih tinggi dari anggaran; dan
- (b) bilakah projek ini dapat diselesaikan.

91. PR-1531-L22774

**Tuan Oscar Ling Chai Yew [ Sibu ]** minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan mengapa Perdana Menteri tidak menghadiri Mesyuarat Agung Belt and Road yang dilangsungkan pada Oktober 2023.

92. PR-1531-L(5)00232

**Tuan Cha Kee Chin [ Rasah ]** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapa kos yang telah ditanggung oleh Kerajaan ketika pelaksanaan tol percuma perayaan-perayaan pada tahun 2023, iaitu masing-masing 2 hari untuk Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas, serta 4 hari untuk Hari Raya Aidilfitri. Apakah pendekatan ini akan diteruskan pada masa akan datang dengan menambahkan bilangan hari untuk tol percuma.

[ Pertanyaan di bawah PM.22(5) ]

93. PR-1531-L23387

**Tuan Wan Ahmad Fayhsal bin Wan Ahmad Kamal [ Machang ]** minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan status terkini industri tanaman padi daerah Machang sama ada dikategorikan sebagai dalam jelapang atau luar jelapang.

94. PR-1531-L22860

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [ Tanjung Piai ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perolehan terbaru Kementerian terhadap pertukaran unit ambulans yang uzur di klinik-klinik Kesihatan di seluruh negara dan apakah pertimbangan Kementerian untuk membekalkan ambulans baharu bagi kegunaan Klinik Kesihatan Serkat, Pontian berikutan kondisi aset sedia ada yang sudah tidak sesuai digunakan secara maksimum.

**PADA PERMULAAN URUSAN MESUARAT**  
**MENGEMUKAKAN RANG UNDANG-UNDANG KERAJAAN**  
**UNTUK BACAAN KALI YANG PERTAMA**

1. **Menteri Sumber Manusia**

- \* Rang Undang-Undang Keselamatan Sosial Pekerja (Pindaan) 2024.

2. **Menteri Sumber Manusia**

- \* Rang Undang-Undang Sistem Insurans Pekerjaan (Pindaan) 2024.

---

\* Menandakan bahawa Rang Undang-undang ini akan dibawa pada semua peringkat di mesyuarat ini.

## **ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

1. **Menyambung semula pertimbangan ke atas Rang Undang-Undang Perbekalan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) 2024 (D.R 5/2024) dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 seperti berikut :**

“BAHAWASANYA, berikutan penyusunan semula Kabinet pada 12 Disember 2023, beberapa kementerian telah disusun semula dan dinamakan semula, beberapa kementerian baharu telah ditubuhkan dengan fungsi-fungsinya dipindahkan daripada kementerian-kementerian lain:

DAN BAHAWASANYA Perbelanjaan Pembangunan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang disusun semula dan dinamakan semula itu telah diluluskan oleh Dewan ini dan diperuntukkan bagi maksud-maksud seperti yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2024:

DAN BAHAWASANYA terdapat keperluan untuk menyelaraskan peruntukan perbelanjaan berkenaan dengan beberapa kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula itu berikutan dengan penyusunan semula fungsi-fungsi kementerian:

DAN BAHAWASANYA amaun yang belum dibelanjakan berhubung dengan kementerian-kementerian yang peruntukan perbelanjaannya perlu dikurangkan itu akan disebat melalui waran yang dikeluarkan oleh Menteri Kewangan di bawah seksyen 8, Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406]:

DAN BAHAWASANYA menurut subseksyen 4(2), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], penguntukan semula peruntukan perbelanjaan bagi maksud-maksud yang melibatkan kementerian-kementerian yang telah disusun semula dan dinamakan semula dan kementerian-kementerian baharu itu hanya boleh dilakukan melalui suatu Usul yang diluluskan oleh Dewan ini:

BAHAWA DEWANINI, mengikut subseksyen 4(3), Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406], membuat ketetapan bahawa jumlah wang sebanyak enam bilion lima ratus enam puluh satu juta enam ratus enam belas ribu tiga ratus ringgit (RM6,561,616,300) diperuntukkan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun kewangan 2024, bagi Maksud dan Butiran (Projek) seperti yang dinyatakan dalam ruang pertama dan kedua Penyata Anggaran Perbelanjaan Pembangunan (Penguntukan Semula Peruntukan Perbelanjaan) Tahun 2024 yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 7 Tahun 2024 dan yang disenaraikan di sebelah Maksud dan Butiran (Projek) dalam ruang ketujuh dan kelapan Penyata tersebut dan Usul ini disifatkan telah berkuat kuasa pada 3 Januari 2024.”

**Dalam Jawatankuasa Sebuah-buah Majlis ( 25 Mac 2024 )**

**ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL**

- |                   |  |                               |
|-------------------|--|-------------------------------|
| 2. ( D.R 3/2024 ) | Rang Undang-Undang Wang Tak Dituntut (Pindaan) 2024. | <b>Bacaan Kali Yang Kedua</b> |
|-------------------|--|-------------------------------|

**[ Menteri Kewangan ]**

- |                   |   |   |
|-------------------|---|---|
| 3. ( D.R 1/2024 ) | Rang Undang-Undang Perniagaan Perkhidmatan Wang (Pindaan) 2024. | " |
|-------------------|---|---|

**[ Menteri Kewangan ]**

- |                   |   |   |
|-------------------|---|---|
| 4. ( D.R 9/2024 ) | Rang Undang-Undang Cukai Pendapatan (Pindaan) 2024. | " |
|-------------------|---|---|

**[ Menteri Kewangan ]**

- |                    |   |   |
|--------------------|---|---|
| 5. ( D.R 10/2024 ) | Rang Undang-Undang Cukai Aktiviti Perniagaan Labuan (Pindaan) 2024. | " |
|--------------------|---|---|

**[ Menteri Kewangan ]**

- |                   |  |   |
|-------------------|--|---|
| 6. ( D.R 8/2024 ) | Rang Undang-Undang Keselamatan Siber 2024. | " |
|-------------------|--|---|

**[ Menteri Digital ]**

- |                    |   |   |
|--------------------|---|---|
| 7. ( D.R 13/2024 ) | Rang Undang-Undang Perlembagaan (Pindaan) 2024. | " |
|--------------------|---|---|

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

- |  |
|--|
| 8. <b>Menteri Kewangan</b> akan mencadangkan : |
|--|

“Bahawa mengikut peruntukan perenggan 4(b) Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275], mengambil ketetapan supaya Kerajaan memindahkan sebanyak RM15,149 juta di bawah seksyen 3(1) Akta yang sama, iaitu baki wang terimaan Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) sebanyak RM149 juta bagi Disember 2023 dan RM15,000 juta bagi tempoh Januari hingga Februari 2024 ke Kumpulan Wang Pembangunan”.

9. PR-1531-U(27)308

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk mempertimbangkan pengecualian kenaikan cukai perkhidmatan sebanyak dua peratus dari enam ke lapan peratus terhadap bil elektrik dan air yang dijadualkan bermula Mac 2024.

Kadar kenaikan ini pastinya akan menambah beban bulanan isi rumah terutama golongan B40 serta M40 dan perniagaan termasuklah sektor pembuatan dan perkhidmatan. Justeru, memandangkan situasi ekonomi negara yang masih belum pulih sepenuhnya dan ditambah lambakan cukai baharu yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024, Kerajaan seharusnya mengekalkan kadar cukai perkhidmatan sedia ada untuk bil elektrik seperti yang diberikan kepada sektor makanan dan minuman, tempat letak kereta dan telekomunikasi."

**[ Menteri Kewangan ]**

10. PR-1531-U(27)309

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa cukai barang dan perkhidmatan (GST) untuk diperkenalkan semula bagi menjana kembali pendapatan negara dengan lebih baik dengan melaksanakan beberapa penambahbaikan terhadap mekanisme GST itu sendiri.

Kerajaan boleh mempertimbangkan kadar GST yang lebih rendah iaitu daripada 6 peratus kepada 4 peratus yang dilihat lebih munasabah serta tidak membebankan pengguna dan pembayar cukai. Manakala pelaksanaan serta pematuhanya perlu dipermudah dengan kesan minima kepada perniagaan seperti penambahbaikan mekanisme pembayaran semula cukai dapat disegerakan dalam tempoh 14 hari dan Kerajaan perlu melantik auditor bebas dari pihak swasta untuk menyemak rekod bagi memastikan tiada sebarang pelanggaran cukai berlaku.

Sistem percukaian GST yang pernah dilaksanakan negara sebelum ini adalah sistem cukai yang lebih baik berbanding pelaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) dan lambakan cukai yang akan dilaksanakan pada tahun ini, dan seharusnya Kerajaan perlu segera mengambil iktibar dari kesan pemansuhan GST pada 2018 yang telah membebankan rakyat sehingga hari ini."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 11. PR-1531-U(27)310

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk membuat penetapan dengan lebih adil bagi perlaksanaan cukai jualan dan perkhidmatan (SST) terhadap cabang perubatan dengan tidak membebankan pesakit yang menjalani rawatan perubatan tradisional dan komplementari (PT&K / TCM).

Sektor TCM, merangkumi ubat-ubatan tradisional Cina dan Melayu serta perubatan ayurveda adalah cabang sistem penjagaan kesihatan dan adalah tidak wajar dikenakan SST sama seperti perubatan moden atau barat.

Malah, menurut seksyen 37, Garis Panduan Perkhidmatan Profesional bertarikh 21 September 2021 yang dikeluarkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) jelas memberi pengecualian SST kepada perkhidmatan perubatan dan pembedahan kepada manusia dan haiwan yang ditawarkan oleh pengamal perubatan di klinik swasta, klinik pakar termasuk khidmat runding oleh pengamal perubatan.

Maka, kerajaan digesa untuk konsisten dan kekal memberi pengecualian bagi perkhidmatan TCM ini daripada dikenakan cukai SST sama seperti pengecualian SST ke atas perkhidmatan perubatan moden."

**[ Menteri Kewangan ]**

## 12. PR-1531-U(27)311

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [ Ayer Hitam ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini mencadangkan tahun 2024 adalah merupakan ulang tahun ke-50 penubuhan hubungan diplomatik antara Malaysia dan Republik Rakyat China, berikutan pemeteraian Kenyataan Bersama (*Joint Communique*) antara Perdana Menteri Tun Abdul Razak dan Perdana Menteri Chou En-Lai pada 31 Mei 1974.

China adalah rakan dagangan terbesar Malaysia sejak 2009 dan angka ini saban tahun meningkat, dan China akan menjadi kuasa ekonomi terbesar dunia menjelang tahun 2030 mengatasi Amerika Syarikat.

Maka, diusulkan Kerajaan untuk mengadakan sambutan besar-besaran sempena meraikan ulang tahun hubungan diplomatik yang penuh bersejarah ini bagi merapatkan keakraban antara Malaysia dan China yang secara tidak langsung dapat memberi nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara menerusi pelbagai bidang kerjasama termasuklah perdagangan dan pelaburan. "

**[ Menteri Luar Negeri ]**

13. PR-1531-U(27)312

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk mewujudkan dasar buruh asing yang jelas dan polisi yang lengkap dalam memastikan kehadiran buruh asing tidak akan membelenggu ekonomi Malaysia kerana mereka telah pun mendominasi beberapa industri dalam negara bukan lagi sebagai pekerja tetapi sebagai pengusaha.

Kehadiran pekerja migran diakui dapat membantu negara mengatasi masalah kekurangan pekerja dan membantu mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi. Namun, kemasukan buruh asing yang ketara bermula sejak akhir 1980-an didukung oleh dasar perindustrian yang pesat sebaliknya memberi impak negatif pada hari ini. Pada tempoh awal kemasukan mereka di Malaysia, mereka hanya terlibat sebagai buruh kasar di sektor formal. Usai peredaran masa, berlaku anjakan pekerjaan pekerja migran untuk menyesuaikan keadaan ekonomi terutamanya semasa krisis ekonomi 1997 dan 2008.

Lebih merunsingkan, pertumbuhan penduduk warga asing kini telah pun melangkaui lebih dari 2 generasi. Adalah dijangka fenomena anjakan pekerja kepada pengusaha asing dalam sektor formal dan tidak formal ini akan menyebabkan usaha kerajaan untuk mengurangkan perbezaan jurang pendapatan menjadi semakin sulit."

**[ Menteri Sumber Manusia ]**

14. PR-1531-U(27)313

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kementerian untuk menubuhkan satu Institut Hak Asasi, Penyelidikan dan Pembangunan Orang Asli. Malaysia sebagai salah satu ahli Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) pada dasarnya telah bersetuju pada 13 September 2007 berkaitan dengan *Declaration on the Rights of Indigenous People* dengan resolusi untuk menubuhkan *National Institution on The Rights of Indigenous People*. Namun sehingga hari ini, kita masih belum menubuhkan sebarang institut yang mengangkat martabat orang asli.

Adalah dicadangkan Universiti Teknologi MARA (UiTM) sebagai peneraju selaras peranan mereka dalam memajukan bumiputera sekaligus mengiktiraf orang asli sebagai kaum bumiputera di Malaysia malahan capaian lokaliti UiTM dilihat mempunyai kelebihan lantaran kewujudan kampus di serata Malaysia.

Penubuhan Institut Orang Asli ini bukanlah untuk mengambil alih peranan Majlis Penasihat Kebangsaan Masyarakat Orang Asli (MPKPMOA) sebagai penasihat kerajaan, atau Jabatan Kemajuan Orang Asli (JKOA). Sebaliknya, Institut ini boleh menjadi gandingan yang mempunyai autoriti dan kefahaman menyeluruh dalam memberikan pandangan yang berwibawa serta mempunyai merit bagi melaksanakan perancangan yang melibatkan Orang Asli.

Sudah tiba masanya Orang Asli perlu di beri peluang sepenuhnya, secara terus dan aktif, mengurus dan mentadbir serta mengemudi institusi, budaya dan cara hidup yang berkait secara langsung dengan arus pembangunan negara.”

### [ Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah ]

15. PR-1531-U(27)314

**Dato' Indera Mohd Shahar bin Abdullah [ Paya Besar ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat menggesa Kerajaan mewujudkan dasar dan polisi Pembangunan Tempatan Diterajui Komuniti atau *Community Led Local Development* yang mewajibkan syarikat-syarikat yang memperolehi projek mega berjumlah RM500 juta ke atas untuk menyedia satu dana khas secara tanggungjawab sosial korporat atau CSR bagi program pembangunan bakat tempatan dan setempat yang bersifat holistik yang akan menyokong perkembangan ekonomi setempat.

Dasar ini menyokong tindakan pembangunan tempatan, bertujuan untuk menggerakkan dan melibatkan masyarakat tempatan dengan membina potensi khusus setiap lokaliti dan menyokong bakat tempatan terutama golongan bumiputera. Kehadiran projek mega ke sesuatu tempat terutama kawasan luar bandar sewajarnya memberi manfaat berterusan sebelum, semasa dan selepas pembinaan kepada penduduk setempat. Dengan mewujudkan syarikat dari dana CSR projek mega ini mampu membangun bakat setempat di samping manfaat ekonomi berterusan kepada mereka.

Adalah menjadi harapan, limpahan atau *spill over* impak projek pembangunan mega dapat dirasai dan dimanfaatkan sepenuhnya oleh penduduk setempat."

### [ Menteri Kewangan ]

16. PR-1531-U(27)315

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan mengambil tindakan drastik untuk melepaskan negara dari himpitan Kos Sara Hidup. Pada 25 Januari kenyataan akhbar telah membicarakan Harga Ayam yang dijangka naik disebabkan tarif air naik dan baru-baru ini diumumkan insurans kereta akan meningkat bermula 1 Mac akibat kenaikan 8% cukai perkhidmatan yang turut melibatkan insurans dan lain-lain.

Sumbangan STR mungkin dapat meringankan sedikit beban perbelanjaan kepada penerima tetapi peningkatan harga menimbulkan cabaran kepada isi rumah dengan tahap kesusahan berbeza mengikut kumpulan pendapatan dan menyebabkan kesan lebih ketara seterusnya menjadikan kumpulan berkenaan lebih mudah terdedah kepada tekanan kos sara hidup. Oleh hal yang demikian, adalah diharapkan Kementerian

segera dapat mengambil tindakan sewajarnya untuk mententeramkan kegusaran rakyat yang berhadapan bebanan ekonomi. "

**[ Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sarawak ]**

17. PR-1531-U(27)316

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan segera membina Pangkalan di Beting Patinggi Ali. Sehingga kini tiada langkah tegas yang diambil pihak Kerajaan untuk menghalang pencerobohan kapal China di Beting Patinggi Ali yang terletak dalam kawasan Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE) Malaysia. Adalah diharapkan pihak Kerajaan dapat merancang dan melaksanakan mekanisme yang lebih efektif untuk menangani masalah ini setelah nota diplomatik yang dihantar pihak Malaysia seperti tidak dihiraukan bagi memastikan Beting Patinggi Ali menjadi hak Malaysia."

**[ Menteri Pertahanan ]**

18. PR-1531-U(27)317

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya menyegerakan pembinaan tembok kekal di sempadan Malaysia-Thailand bagi mengekang kegiatan penyeludupan dan jenayah rentas sempadan di negara ini. Pembinaan dan baik pulih tembok sempadan Malaysia-Thailand perlu agar dapat merangkumi keseluruhan perbatasan dari Perlis hingga Kelantan dan suatu pelan tindakan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia-Thailand adalah sangat diperlukan.

Kerajaan Malaysia sebelum ini telah memberikan komitmen untuk membina tembok sempadan tersebut tetapi sehingga terkini masih tiada pelan pembangunan komprehensif dan terperinci yang diumumkan. Mohon pihak kerajaan memandang serius perkara ini dengan menyegerakan pembangunan tembok sempadan Malaysia - Thailand secara menyeluruh dan memastikan suatu pelan komprehensif merangkumi semua agensi Kerajaan bagi kawalan sempadan Malaysia - Thailand agar benar-benar berkesan menjamin keselamatan perbatasan negara. "

**[ Menteri Dalam Negeri ]**

19. PR-1531-U(27)318

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan bersikap adil dalam mengamalkan kebebasan media di Malaysia. Kerajaan tidak seharusnya menjadikan Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia (SKMM) sebagai alat politik untuk menyekat mana-mana isi kandungan media yang tidak 'pro' Kerajaan atau tidak sependapat dengan Kerajaan. YAB Perdana Menteri yang memerintah Kerajaan pada masa ini telah berikrar dalam manifestonya untuk memastikan hak kebebasan bersuara dan melindungi kebebasan media. Namun, keadaan sebaliknya berlaku selepas beberapa bulan beliau membentuk Kerajaan.

Lebih mendukacitakan, kebebasan media yang diwar-warkan Kerajaan hanyalah terhad kepada 'pro' Kerajaan sahaja, manakala parti pembangkang secara halus dikenakan sekatan kepada akses media. Mana-mana media rasmi Kerajaan mahupun swasta tidak diberi kebenaran untuk menyiaran berita mengenai parti pembangkang mahupun pihak yang menentang Kerajaan. Oleh hal demikian, Kementerian digesa supaya berlaku adil dalam menyalurkan maklumat kepada rakyat. Tindakan ini adalah penting untuk memastikan hak kebebasan media tidak dicabul sewenang-wenangnya oleh pihak-pihak tertentu. "

**[ Menteri Komunikasi ]**

20. PR-1531-U(27)319

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan untuk segera menyelesaikan masalah pekerja e-hailing dan p-hailing. Akta khusus perlu diwujudkan segera oleh pihak Kerajaan berkaitan ekonomi gig agar isu-isu yang berkaitan ini tidak berlarutan kerana hanya pihak Kerajaan yang boleh merangka dan mengeluarkan polisi atau garis panduan meliputi keseluruhan ekosistem ekonomi gig p-hailing. Kerajaan digesa untuk campur tangan di dalam isu pengurangan upah penunggang p-hailing dan mengambil tindakan sewajarnya untuk membela nasib kumpulan pekerja ekonomi gig ini."

**[ Menteri Pengangkutan ]**

21. PR-1531-U(27)320

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan supaya membentuk satu pasukan petugas khas bagi memberi perhatian terhadap isu pencerobohan sempadan yang berlaku di Sabah dan Sarawak. Seperti di ketahui, Sabah dan Sarawak pula berkongsi sempadan darat sejauh 2,019.5km dengan Kalimantan, Indonesia. Daratan Negara Brunei Darussalam dibatasi sepenuhnya oleh Sarawak sepanjang 481.3km. Kebanyakan kawasan perbatasan Malaysia bersama negara-negara jirannya terletak di

kawasan perbukitan yang diliputi hutan tebal dan kawasan perairan laut menyebabkan kawalan terhadap kawasan-kawasan ini sulit dilakukan.

Oleh sebab itu, masalah pencerobohan, penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perdagangan narkotik adalah antara isu yang saban tahun masih berlaku dan sukar ditumpaskan. Susulan pembangunan Nusantara, ibu negara baharu Indonesia di Kalimantan Timur dan dengan siapnya Lebuh Raya Sematan – Telok Melano secara tidak langsungnya meningkatkan risiko pencerobohan sempadan sama ada melalui darat dan laut terutamanya melalui Taman Negara Tanjung Datu.

Oleh hal yang demikian, tindakan segera kerajaan bagi mencari solusi terbaik kepada masalah kawalan sempadan ini adalah amat diharapkan."

### **[ Menteri Dalam Negeri ]**

22. PR-1531-U(27)321

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa Kerajaan agar memperluaskan Program Kemudahan Sokongan Akaun 2 (FSA2) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) kepada pencarum berusia bawah 40 tahun ke bawah. Inisiatif FSA2 dilihat sebagai alternatif segera yang dapat membantu rakyat yang terkesan dalam menangani isu kos sara hidup dan kenaikan harga barang pada masa ini."

### **[ Menteri Kewangan ]**

23. PR-1531-U(27)322

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kasim [ Arau ]** akan mencadangkan :

"Bahawa Dewan Rakyat ini menggesa supaya Kerajaan meletakkan sebuah garis panduan untuk sekolah-sekolah bagi pengurusan dana, perbelanjaan, dan juga aktiviti kutipan wang daripada pelajar, ibu-bapa, dan orang ramai. Selain itu, sebuah badan pemantau perlu diwujudkan bagi memastikan garis panduan ini dipatuhi.

Ini kerana, kini sudah menjadi sebuah kelaziman untuk pihak-pihak sekolah menganjurkan program-program dan majlis-majlis yang memakan belanja besar, yang menggunakan duit daripada poket pelajar. Sebahagian daripada majlis ini mewajibkan kehadiran, dan sebahagian lainnya adalah secara sukarela. Tetapi harus kita faham, kewujudan jurang ekonomi akan membuatkan wujudnya golongan pelajar yang rasa kecinciran sosial disebabkan faktor kewangan keluarga. Ia juga membuat mereka berasa tertekan serta memberi tekanan kepada ibu-bapa, lebih-lebih lagi dalam situasi ekonomi kini.

Bukan sahaja untuk majlis, malah sering juga pihak sekolah membuat kutipan wajib bagi pembaharuan infrastruktur, dan kutipan ini kadangkala boleh mencecah ratusan ringgit. Isu ini merupakan sebuah isu yang kurang mendapat perhatian tetapi penting untuk dibawa ke hadapan kerana ia melibatkan sosioekonomi keluarga B40 & M40 serta kesejahteraan perkembangan minda dan emosi para pelajar yang bakal menjadi teraju negara ini di masa hadapan.

Selain itu, dibimbangi jika tiada pemantauan dilakukan, perkara ini akan membuka ruang untuk pihak tertentu mengambil kesempatan.”

**[ Menteri Pendidikan ]**

**RISALAT-RISALAT YANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT  
(DEWAN RAKYAT)**

<b><u>TAHUN 2024</u></b>	<b><u>RISALAT/DOKUMEN</u></b>	<b><u>TARIKH DIBENTANGKAN</u></b>
DR. 9	Laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Tindakan Susulan Kementerian Pertanian dan Keterjaminan Makanan Bagi Syor-Syor Laporan PAC Parlimen berhubung Terimaan Bayaran Obligasi Sosial Perjanjian Konsesi Pengurusan Industri Padi dan Beras Negara (DR.7/2023)	26 Mac 2024
DR. 11	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Infrastruktur, Pengangkutan dan Komunikasi berhubung Masalah Gangguan Perkhidmatan Feri Penumpang dari Kuala Perlis dan Kuala Kedah ke Langkawi	26 Mac 2024
DR. 13	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan berhubung Pengurusan Sisa Lynas Malaysia	26 Mac 2024
DR. 14	Penyata Jawatankuasa Pilihan Khas Alam Sekitar, Sains dan Perladangan berhubung Pengurusan Ancaman Hidupan Liar	26 Mac 2024
ST. 68	Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) Bagi Tahun 2022	26 Mac 2024

**\*\*UCAPAN-UCAPAN**  
**( PERATURAN MESYUARAT 17 )**  
**( KAMAR KHAS )**

Tarikh Ucapan	Ahli Yang Berucap	Tajuk Ucapan	Menteri Yang Bertanggungjawab
26.03.2024 (Selasa)	1. YB Dr. Mohammed Taufiq bin Johari (Sungai Petani)	1. Penaiktarafan Kompleks Pasar Bisik Ikan Kuala Muda 2. Penyelenggaraan Sungai Petani di Belakang SJKC Min Terk Batu Dua	1. YB Menteri Pertanian dan Keterjaminan Makanan 2. YB Menteri Peralihan Tenaga dan Transformasi Air
	2. YB Tuan Haji Aminolhuda bin Hassan (Sri Gading)	3. Status Inisiatif Kemudahan Rakyat di Parlimen Sri Gading	3. YB Menteri Ekonomi

**\*\* Ucapan Di Bawah Usul Berkenaan Perkara Tadbir Kerajaan (Peraturan Mesyuarat 17)**